

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI ISNIN, 18 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 30**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1133-L1685  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan analisis statistik bilangan wanita yang terlibat dalam penagihan dadah dalam negara sehingga kini dengan pecahan mengikut negeri dan umur mereka.
2. PN-1133-L1523  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi-strategi yang lebih berkesan dalam usaha kita membanteras gejala rasuah memandangkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) merosot dari tempat ke 39 pada tahun lalu ke tempat ke 44 pada tahun ini.
3. PN-1133-L1915  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan tahun 2007 merupakan tahun melawat Malaysia, apakah unjuran Kerajaan dari sudut jumlah pelancong dan pendapatan daripada rancangan ini dan berapakah jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam mempromosikan program ini.
4. PN-1133-L1408  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah pekerja tempatan yang masih terlibat dalam sektor perladangan negara kita dan adakah golongan ini sebahagian daripada mereka yang terjejas akibat daripada mainstream development. Adakah mereka diberi peluang untuk memiliki kemudahan perumahan dan kemudahan asas yang lain oleh syarikat-syarikat perladangan.

5. PN-1133-L1821  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kes siasatan BPR yang dihantar kepada Peguam Negara belum di bawa ke mahkamah dan berapa kes siasatan BPR yang dihantar ke mahkamah belum dibicarakan dan berapa kes sedang di bicara.
6. PN-1133-L1671  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar mengikut jantina yang telah memasuki IPTA. Nyatakan berapakah jumlah graduan yang mendapat kelas kepujian mengikut kaum.
7. PN-1133-L1752  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kenapakah MARA yang memperoleh geran Kerajaan bagi mengeluarkan biasiswa kepada pelajar IPTA dan IPT luar negara tetapi menukarkannya kepada bentuk pinjaman yang mencecah suku juta ringgit yang tidak mampu dibayar oleh mereka walaupun bekerja sehingga 30 tahun.
8. PN-1133-L1978  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah kadar kemiskinan di negeri Sabah berada di tahap yang tertinggi di Malaysia. Apakah langkah-langkah dan jadual pelaksanaan rancangan bagi mengatasi gejala kemiskinan bagi negeri Sabah.
9. PN-1133-L1971  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dalam menggalakkan aktiviti pertanian bagi tujuan kegunaan sendiri kepada rakyat di negara ini memandangkan import makanan yang masih tinggi.
10. PN-1133-L1450  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan jurang prestasi antara sekolah bandar dan luar bandar terutamanya dari segi kualiti guru, kemudahan infrastruktur dan prasarana serta baucar tuisyen di bawah Rancangan Tujuh Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri tidak lama dulu.
11. PN-1133-L1677  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan status terkini perbincangan mengenai Forest Law, Enforcement Governance and Trade (FLEGT) antara Malaysia dengan Kesatuan Eropah.

12. PN-1133-L1499  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tanggungjawab Kementerian memantau pembaziran yang berlaku di Kementerian-kementerian seperti yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara; dan tidakkah sebarang tindakan akan diambil.
13. PN-1133-L1851  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah pendapatan Kerajaan yang sepatutnya diperoleh hasil daripada penalti/remedi oleh kontraktor yang gagal menyiapkan projek atau gagal mematuhi terma projek sepanjang RMK-8 dan berapakah kutipan sebenar sehingga kini.
14. PN-1133-L1925  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Malaysia masih dikategorikan sebagai negara yang mengamalkan 'upah yang murah' berbanding beberapa negara Asia yang lain. Akibatnya pasaran kerja kita dikuasai oleh buruh asing yang tidak mahir. Apakah Kerajaan tidak bercadang mengkaji skim gaji rendah tersebut agar paras produktiviti negara meningkat.
15. PN-1133-L1657  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan strategi Kementerian memajukan sektor perladangan kopi serta adakah peruntukan yang dikhususkan untuk memasarkan kopi Malaysia.
16. PN-1133-L1358  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan program-program pelancongan yang diadakan bersama pusat membeli belah bagi menyokong produk satu daerah satu industri, dan apakah pelan tindakan Kementerian untuk mengeksploitasi konsep satu produk satu industri ini dengan mewujudkan kampung-kampung mini pelancongan di seluruh negara.
17. PN-1133-L1610  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang diambil untuk memartabatkan institusi pengajian tinggi di Malaysia di persada antarabangsa dan melahirkan para graduan yang berkualiti. Seterusnya, kelahiran graduan yang berkualiti ini dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara kita.
18. PN-1133-L1436  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi latihan khas, pinjaman atau geran bagi meningkatkan status masyarakat India dalam bidang perniagaan supaya mereka boleh mencapai status ekuiti seperti dalam RMK-9.

19. PN-1133-L1479  
**Che Puan Sri Kelana D'raja(Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian melaksanakan syarat tertentu seperti menjalani ujian kesihatan dan pengambilan air kencing terhadap pemandu kenderaan awam; dan
  - (b) berapakah jumlah pemandu kenderaan awam yang telah disabitkan kesalahan akibat pemanduan cuai dan mengakibatkan penumpang dan pengguna jalan raya lain terbabit dalam sesuatu kemalangan pada tahun 2004 dan tahun 2005.
20. PN-1133-L1763  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah lesen syarikat-syarikat pembinaan yang telah di senarai hitamkan kerana gagal menyiapkan projek Kerajaan mengikut jadual atau yang melanggar peraturan yang ditetapkan.
21. PN-1133-L1824  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bahawa hampir setengah abad negara mencapai kemerdekaan, namun masih terdapat suara-suara sumbang yang mungkin akan menjejaskan semangat perpaduan ini. Adakah Kementerian mempunyai kuasa untuk menyekat suara-suara seumpama itu.
22. PN-1133-L1341  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapakah masalah jerebu di negara kita terutama sekali di negeri Sarawak masih belum lagi dapat diatasi walaupun terdapat perbincangan bersama dengan Kerajaan Indonesia.
23. PN-1133-L1868  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah gaji minimum yang akan diperkenalkan di Malaysia. Sila sebutkan negara dalam ASEAN yang telah memperkenalkan gaji minimum.
24. PN-1133-L1528  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah langkah berjaga-jaga di perhebatkan untuk mencegah penyeludupan senjata api dari jalan-jalan tikus di Sarawak kerana didapati penjualan dan penggunaan senjata api di negara jiran terlalu mudah dan tidak ada kawalan yang ketat.

25. PN-1133-L1550  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tentang penubuhan pasukan khas polis bagi setiap daerah untuk membendung kegiatan 'Mat Rempit' semakin lama semakin menjadi-jadi hingga menjadi penyakit sosial di negara ini.
26. PN-1133-L1535  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Malaysia sudah mencapai tahap kewibawaan dan mendapat 'confidence' pelabur dan institusi kewangan global yang tinggi di dalam perbankan dan kewangan syariah. Apakah langkah yang diambil untuk memperhebatkan usaha menarik pelabur-pelabur asing seperti dari Negara-negara Arab, Timur Tengah menggunakan Malaysia sebagai 'Islamic financial haven'.
27. PN-1133-L1777  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan kemungkinan Kerajaan mengiktiraf sektor-sektor perubatan tradisional Cina terutama sekali mereka yang bertauliah dari universiti-universiti Negara China.
28. PN-1133-L1363  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kerajaan akan mengekalkan konsep Sekolah Bestari bagi sekolah kebangsaan, memandangkan ianya masih belum mencapai tahap yang diharapkan dan terbantut pembangunannya. Apakah strategi Kerajaan untuk memastikan pemerksaan sekolah kebangsaan akan mengambil maklum akan masalah Sekolah Bestari ini.
29. PN-1133-L1373  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai keyakinan menjadikan tahun 2015 sebagai tahun bebas dadah dengan berdasarkan kepada program-program yang telah dijalankan oleh agensi Kerajaan seperti Pusat Serenti dan PEMADAM pada masa sekarang.
30. PN-1133-L1743  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyeragamkan pendidikan pra-sekolah sama ada yang dikendalikan oleh Kerajaan dan pihak swasta dalam usaha menyemai bibit-bibit cintakan negara dan menjadi sumber kepada pembangunan insan untuk masa depan negara.

31. PN-1133-L1609  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengurangkan kesesakan trafik di Bandaraya Kuala Lumpur walaupun sistem pengangkutan awam yang canggih sudah diperkenalkan. Apakah juga usaha-usaha yang diambil Kerajaan bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam ini.
32. PN-1133-L1799  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rasionalnya diwujudkan Jawatankuasa 3K (Keselamatan, Kesihatan, dan Kebersihan) di dalam memastikan tahap kelesaan pelajar di semua sekolah di seluruh negara dan adakah ianya bertindak memantau kelesaan pelajar sahaja tanpa menghiraukan keselamatan, kesihatan dan kebersihan guru-guru sekolah.
33. PN-1133-L1716  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah agaknya Kementerian akan menjalankan kempen mendidik dan menggalakkan menggunakan pengangkutan awam secara berhemah bagi mendukung ciri-ciri minda kelas pertama.
34. PN-1133-L1577  
**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenakan syarat supaya bangunan-bangunan tumpuan awam mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian dengan keperluan khas Orang Kurang Upaya (OKU).
35. PN-1133-L1383  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan jawatan mengikut JUSA C, JUSA B, JUSA A dalam perkhidmatan awam dari tahun 2001 hingga 2006 dalam Skim Saraan Malaysia (SSM).
36. PN-1133-L1785  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah keluasan tanah yang menjadi hak milik tanah orang asli di seluruh negara mengikut tahun dan negeri.
37. PN-1133-L1808  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan keseriusan Kerajaan di dalam memerangi penggunaan bahasa rojak yang sering kali diguna pakai di dalam drama-drama terbitan RTM dan apakah bentuk tindakan dan hukuman yang bahasa rojak ini.

38. PN-1133-L1902  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sebagai usaha untuk membanteras berbagai kejadian jenayah, sama ada yang berat atau ringan, adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan hukuman sebatan bagi semua jenis jenayah termasuk Mat Rempit, peragut, rogol, rompakan bersenjata dan sebagainya.
39. PN-1133-L1951  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan khusus supaya setiap anggota tentera memperoleh rumah sendiri dengan harga yang paling berpatutan mengikut kemampuan mereka agar mereka mempunyai jaminan tempat tinggal apabila bersara kelak.
40. PN-1133-L1599  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasrat Kerajaan untuk mengatur semula anggota polis yang sedia ada supaya meningkatkan lagi langkah dan keberkesanan untuk membasmi jenayah di bandar.
41. PN-1133-L1995  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapakah jumlah pengusaha-pengusaha stesen minyak (semua syarikat-syarikat minyak) yang sedang beroperasi di seluruh negara antara tahun 2000- Jun 2006 mengikut kategori bumiputera dan bukan bumiputera. Nyatakan jumlah serta punca yang menyebabkan syarikat milik bumiputera terpaksa gulung tikar. Apakah strategi yang lebih berkesan yang akan dibuat bagi mengatasi isu tersebut.
42. PN-1133-L1564  
**Dr. Raja Ram a/I K.Nadayson** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan cadangan untuk memaparkan agama bagi warganegara-warganegara bukan Islam yang memegang 'MyKad' Ini memudahkan setiap warganegara dikenal pasti agamanya melalui 'MyKad' masing-masing.
43. PN-1133-L1989  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejak akhir-akhir ini, kita sering kali terdengar rungutan penumpang syarikat penerbangan tempatan merungut mengenai penundaan jadual penerbangan yang mengakibatkan kerugian kepada pihak pengguna. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi melindungi hak seseorang penumpang itu yang dikatakan berat sebelah di mana hak syarikat selain dilindungi tetapi hak pengguna adalah sebaliknya.

44. PN-1133-L1454  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menukar sistem persekolahan kebangsaan dan agama yang kini memakan masa terlalu lama sehingga menyebabkan pelajar-pelajar Melayu khususnya kesuntukan masa untuk membuat ulang kaji dan menyiapkan kerja rumah. Ianya dilihat sebagai satu punca kemerosotan sesetengah pelajar terutama di kawasan luar bandar.
45. PN-1133-L1734  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah manfaat yang amat besar untuk rakyat Malaysia hasil dari Projek Pembangunan Iskandar (WPI) Selatan Johor, Koridor Pantai Timur dan Koridor Utara. Apakah ianya merupakan satu wawasan baru Kerajaan di samping Wawasan 2020.
46. PN-1133-L1551  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kos perubatan yang semakin meningkat akan memaksa Kerajaan mengurangkan rangkaian rawatan kepada rakyat Malaysia, apakah keadaan kita nanti akan menjadi seperti Amerika Syarikat yang kos perubatan tinggi terpaksa ditanggung sendiri oleh rakyat negara tersebut.
47. PN-1133-L1426  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah fungsi dan sistem operasi Institut Sosial Malaysia.
48. PN-1133-L1823  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan publisiti-publisiti negatif yang dihadapi oleh industri pelancongan Malaysia dalam meningkatkan industri tersebut dan langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk mengatasi masalah ini untuk menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara.
49. PN-1133-L1463  
**Tuan Chiu Tiang Chai** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah cabaran utama negara untuk mengekalkan status sebagai pengeluar utama sawit dan getah kerana kini Indonesia dilihat semakin menggila di dalam penerokaan tanah untuk bersaing dengan kita, apakah ini nanti akan menjatuhkan harga pasaran semasa.
50. PN-1133-L1839  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bahawa masalah obesiti kian meningkat di kalangan kanak-kanak di dunia serba moden ini. Bagaimanakah cara-cara untuk mendidik kanak-kanak ini dalam mengamalkan cara hidup yang lebih sihat.

51. PN-1133-L1483  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan pro-aktif Kementerian bagi memastikan aspek kawal selia seperti dalam soal melindungi harta intelek [intellectual property] dan perkongsian dipertingkatkan untuk menggalakkan urusan komersil.
52. PN-1133-L1619  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana benarnya dakwaan sesetengah pihak bahawa bertambahnya kurikulum dan ko-kurikulum yang berunsur Islam menyebabkan kurangnya minat ibu bapa bukan Islam terhadap Sekolah Kebangsaan.
53. PN-1133-L1961  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah anggota tentera dan polis serta bekas tentera dan polis yang terlibat dalam kes-kes jenayah dalam masa 5 tahun ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.
54. PN-1133-L1872  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawī** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-  
(a) apakah kesan daripada pengajaran JQAF ; dan  
(b) berapakah bilangan guru JQAF sehingga kini di seluruh negara dan apakah kelayakan minimum serta berapakah gaji permulaan bagi guru JQAF.
55. PN-1133-L1693  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah usaha R & D yang dijalankan setakat ini dapat membantu membangunkan negara dalam bidang penyelidikan dan berapakah peruntukan yang telah digunakan bagi setiap tahun.
56. PN-1133-L1885  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan memberi bukti jelas pencapaian pelajar tahun satu hingga tahun empat yang belajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di seluruh negara bagi tahun 2005 dan 2006.
57. PN-1133-L1392  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapa penggunaan paraquat yang diharamkan pada Ogos 2002 kini dimansuhkan mulai 1 November 2006 dan apakah langkah yang akan diambil agar keselamatan penggunaan paraquat ini dijamin.

58. PN-1133-L1935  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakah Malaysia termasuk sebagai satu daripada 24 negara yang mencatatkan penurunan mendadak pendaftaran murid di sekolah rendah. Sebagai contohnya penurunan daripada 98% pada tahun 1999 kepada 93% pada tahun 2004. Nyatakan peratus pendaftaran pada tahun 2006.
59. PN-1133-L1584  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk memacu pertumbuhan dalam industri pembinaan yang sedikit sejak lima tahun lalu terutamanya melalui projek berasaskan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9.
60. PN-1133-L1706  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memantau pendakwahan dan penyebaran agama lain di kalangan orang Islam sama ada melalui provokasi media mahupun perbuatan individu / NGO tertentu, yang jelas bercanggah dengan Artikel 11(4) Perlembagaan Persekutuan mengenai orang Islam mengamalkan hak-haknya secara aman.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R.32/2006) Rang Undang-undang Perbekalan 2007 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. (14 Disember 2006)**
2. (D.R.24/2006) Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R.34/2006) Rang Undang-undang Kewangan 2006; “
4. (D.R.40/2006) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2) 2006; “
5. (D.R.42/2006) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2006; “
6. (D.R.41/2006) Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2006; “
7. (D.R.43/2006) Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006; “
8. (D.R.47/2006) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006; “
9. (D.R.46/2006) Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2006; “
10. (D.R.45/2006) Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2006; “
11. (D.R.48/2006) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2006; “
12. (D.R.50/2006) Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2006; “
13. (D.R.49/2006) Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2006; “
14. (D.R.51/2006) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006; dan “
15. (D.R.35/2006) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan 2006. “

16. PN-1133-U1419

**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** akan mencadangkan:-

"Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

17. PN-1133-U1942

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

18. PN-1133-U1943

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

19. PN-1133-U1944

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesanannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN 2006</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.14	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya Bagi Tahun 2003	18 Disember 2006
ST.136	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	18 Disember 2006
ST.180	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 1999 (Telah Diaudit)	18 Disember 2006
ST.181	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2000 (Telah Diaudit)	18 Disember 2006
ST.182	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	18 Disember 2006
ST.189	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	18 Disember 2006
ST.194	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	18 Disember 2006
ST.200	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	18 Disember 2006
ST.202	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2004	18 Disember 2006
ST.205	Laporan Tahunan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Tahun 2004	18 Disember 2006
CMD.42	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia Bagi Tahun 2005	18 Disember 2006